



APA ITU PENGURUSAN ALIRAN TUNAI?

Pengurusan aliran tunai ialah proses memantau, menganalisis serta menyelaraskan aliran tunai peribadi anda. Aliran tunai mengandungi dua komponen utama; pendapatan (aliran masuk) dan perbelanjaan (aliran keluar).

Pendapatan atau aliran masuk tunai anda merangkumi pendapatan aktif dan pendapatan pasif.

Pendapatan aktif	Adalah hasil daripada pekerjaan atau usaha niaga anda. Sebaik sahaja anda berhenti bekerja atau berniaga, pendapatan aktif akan turut berhenti. Contoh pendapatan aktif ialah gaji dan hasil keuntungan perniagaan
Pendapatan pasif	Diperoleh daripada simpanan atau pelaburan. Pendapatan pasif tidak mengambil kira status pekerjaan anda. Contoh pendapatan pasif ialah faedah atau keuntungan, sewa, dividen dan royalti

